

sains

# KERATAN AKHBAR

## 04 & 08 NOV 2023

NEW STRAITS TIMES

Utusan MALAYSIA

Sinar harian

astro AWANI

NOGORI KITO

facebook

THE EDGE MARKETS MAKE BETTER DECISIONS

THE Sun

FMT news FREE AND INDEPENDENT

Star

Kosmo!

Metro

BERITA HARIAN

malaysiakini terkini untuk anda

BERNAMA

RANIA

星洲日報 SIN CHEW DAILY

南洋商報 NANYANG SIANG PAU

中國報 CHINA PRESS

malaymail

## 'Kos meningkat, ada kewajaran tarif air di Negeri Sembilan dinaikkan' - Aminuddin

04 NOV 2023  
SABTU

SEREMBAN - Kerajaan Negeri Sembilan berpendapat ada kewajaran menaikkan kadar tarif air pada masa ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, ia mengambil kira kos operasi yang semakin meningkat selain tiada kenaikan dibuat selama lebih 20 tahun di negeri ini.

"Kita sedia maklum sudah berpuluh tahun kita (Negeri Sembilan) tidak naikkan tarif air sedangkan kos operasi antaranya untuk rawatan air, penggantian paip, kerosakan yang berlaku serta lain-lain terus meningkat.

"Saya rasa semua negeri dalam keadaan cukup tertekan kerana dengan keuntungan yang kecil, malah ada yang mengalami kerugian disebabkan perlu menanggung kos operasi yang tinggi," katanya ketika ditemui pada majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2023 peringkat Negeri Sembilan di sini pada Sabtu.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad yang memaklumkan kini dalam proses mengangkat Kertas Jemaah Menteri berhubung pelaksanaan mekanisme penetapan tarif air yang baharu bagi dimuktamadkan pada peringkat kabinet.

Aminuddin berkata, sekiranya mekanisme itu dipersetujui, operator air di setiap negeri dibenarkan menentukan sendiri mekanisme penetapan tarif air tanpa perlu persetujuan peringkat Persekutuan.

Tambah beliau, jika kadar tarif air dinaikkan sekalipun, ia masih pada paras berpatutan dan tidak akan membebankan pengguna.

Sehubungan itu, Aminuddin berharap masyarakat memahami keperluan tersebut sekaligus memastikan industri air dapat berjalan dengan baik.

"Kita tidak boleh lagi berpuluh tahun tiada kenaikan kerana kos kita terus meningkat, yang mana ketika ini tarif elektrik telah pun dinaikkan tetapi tidak kepada air.

"Jadi masyarakat di luar sana harus faham kenapa kita naikkan kerana itu antara yang kita tidak mampu lagi hadapi dan pada masa sama Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains) juga perlu membayar gaji pekerja mereka," katanya.





## Pencemaran diesel, LRA Sungai Linggi henti operasi sementara waktu

PORT DICKSON: Operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Linggi di sini terpaksa dihentikan buat sementara waktu selepas terdapat aduan air Sungai Linggi di muka sauk LRA tersebut berbau diesel petang tadi.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S. Veerapan berkata, pihaknya telah mendapat aduan dari Badan Kawal Selia Air (BKSA) berkaitan masalah tersebut pada pukul 4 petang tadi.

"Siasatan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bersama agensi lain di loji rawatan air itu mendapati aduan berkenaan berasas dengan kadar bacaan bau pada pukul 5 petang adalah pada bacaan enam ton dan bacaan mula menurun kepada dua ton pada pukul 7 malam.

"Sebagai langkah kawalan, pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah memasang *oil boom* di muka sauk loji sebagai langkah pencegahan minyak diesel dari memasuki loji rawatan air.

"Sehingga kini LRA Sungai Linggi masih belum menyambung operasi dan pihak Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) sedang memantau keadaan," katanya kepada pemberita hari ini.

Veerapan berkata, pemantau JAS pada pukul 7 malam tadi mendapati kesan minyak dipermukaan air sungai telah tiada dan siasatan lanjut mengenal pasti punca akan disambung pukul 7 pagi esok," katanya.

Sementara itu, SAINS menerusi hebahan memaklumkan, pemberhentian operasi LRA Sungai Linggi buat sementara itu telah menyebabkan gangguan bekalan air berlaku di sebahagian kawasan Port Dickson.

Kawasan terlibat adalah sebahagian kawasan Batu 6 Jalan Pantai, Batu 4 Jalan Pantai, Jalan Sua Betong, Air Kuning, Tampin Linggi sehingga sekitar kawasan Pekan Port Dickson.

Selain itu, gangguan bekalan air turut berlaku di kawasan Pekan Port Dickson sehingga ke kawasan Lukut dan turut terlibat dari Simpang Bukit Palong, Chuah, Bukit Pelandok sehingga Tanah Merah Site A. -UTUSAN.



## SAP tingkat pembersihan LRA Arau

07 NOV 2023  
SELASA

KANGAR: Syarikat Air Perlis (SAP) akan melakukan pembersihan Loji Rawatan Air (LRA) Arau Fasa IV dengan lebih kerap dalam usaha mengatasi isu air keruh di beberapa kawasan di negeri ini.

Bagaimanapun dengan pelaksanaan itu, SAP terpaksa mengurangkan pengeluaran sekitar 10 peratus air dari LRA berkenaan bagi mengelak kesan kekeruhan yang tinggi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pegawai Eksekutif SAP, Dr. Mohmad Asari Daud berkata, pihaknya mengatur supaya bekalan air Loji Timah Tasoh dapat digunakan sementara bagi mengurangkan impak kepada pengguna.

"Kita akan tambah pengeluaran dari Loji Timah Tasoh untuk bantu bekalan di LRA Arau Fasa IV ekoran pengurangan pengeluaran bagi proses pembersihan," katanya.

Terdahulu beberapa kawasan dilaporkan terjejas berikutan daripada LRA Arau Fasa IV yang terkesan dengan peningkatan kadar kekeruhan air mentah dari Terusan Arau.

Peningkatan kadar kekeruhan itu yang melebihi tahap kemampuan proses rawatan air di LRA berkenaan menyebabkan permasalahan tersebut berlaku.

Antara lokasi yang terjejas melibatkan sebahagian kawasan Kangar termasuk Behor Temak, Seriab, Behor Gonchar, Panggau, Tok Kuning, Utan Aji, Padang Behor, IPG, Jalan Raja Syed Alwi, Taman Kemajuan, Taman Hijrah dan beberapa lagi.

Dalam pada itu Mohmad berkata, isu bekalan air keruh sebelum ini juga diatasi selepas pihaknya melaksanakan penyelesaian jangka pendek berhubung isu tersebut.

"Permasalahan itu diatasi, malah, bekalan air kepada pengguna kian pulih bermula tengah hari Sabtu lalu," katanya.

**BERSAMBUNG**

## SAP tingkat pembersihan LRA Arau

Dalam pada itu, Mohmad berkata, untuk penyelesaian jangka masa panjang, SAP sedang giat melaksanakan proses naik taraf LRA berkenaan bagi mengelakkan permasalahan itu berulang.

Katanya, proses naik taraf loji itu juga dijangka selesai dilaksanakan pada pertengahan tahun hadapan.

"Pada Mei tahun hadapan, LRA ini dijangka selesai naik taraf dan selepas itu, mungkin isu berkaitan air keruh ini akan selesai," katanya.

Dalam perkembangan sama, Mohmad berkata, kadar air tidak terhasil (NRW) di Perlis juga masih berada pada tahap tinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu sekitar 61 peratus.

Tambahnya, SAP berharap pada akhir tahun hadapan, kadar NRW di negeri ini dapat diturunkan pada kadar 50 hingga 55 peratus. – UTUSAN



## 20 tahun tak selesai, penduduk angkut air dari kandang lembu

08 NOV 2023  
RABU

Gurun: Masalah gangguan bekalan air sejak 20 tahun lalu terus menghantui kira-kira 200 penduduk Kampung Batu Lapan di sini, sekali gus menjejaskan kehidupan seharian mereka.

Aishah Wahab, 70, berkata bekalan air sering terputus atau perlahan berikutan tidak cukup untuk menampung jumlah pengguna yang semakin meningkat.

Katanya, gangguan bekalan berlaku hampir setiap minggu menyebabkan penduduk terpaksa menahan air hujan dan mengambil air boring dari kandang lembu yang terletak kira-kira 500 meter dari rumahnya.

"Apabila bekalan air ada, ia terlalu perlahan, kadang-kadang air hanya akan laju pada tengah malam sahaja.

"Memang susah hendak membasuh pakaian dan masak, cucu pula masih kecil, hendak basuh najis mereka susah. Menantu saya terpaksa berulang alik angkut air boring dari kandang lembu, jika hujan kami akan tadah untuk kegunaan harian," katanya yang mempunyai 20 cucu dan cicit.

Ibu kepada tujuh anak itu berkata, masalah bekalan air itu turut menyebabkan penduduk terpaksa memohon bantuan kem tentera berdekatan untuk menghantar bekalan air terutama ketika ada kematian.

"Kami terpaksa minta tolong pihak tentera jika hendak mandi jenazah, mereka akan hantar air ke sini, sekiranya hendak buat kenduri, kami perlu maklumkan Syarikat Air Darul Aman (SADA) supaya mereka hantar air dengan lori," katanya.

Seorang lagi penduduk, Azizah Husin, 68, berkata ketika dia mula tinggal di kampung itu hampir 30 tahun lalu, bekalan air diterima dengan baik sehingga lebih banyak rumah di bina, gangguan bekalan air sering terganggu.

"Selalunya apabila waktu subuh bekalan air akan terputus, empat cucu saya akan ke sekolah, mereka hanya akan mandi dengan air yang anak saya simpan, jika bekalan air ada airnya sangat perlahan.

"Kami hanya guna air ikut keperluan, sekarang ini musim hujan, masih boleh tadah air hujan, sekiranya musim kemarau keadaan kami akan bertambah teruk.

"Jika tetamu datang kami memang susah hati, hendak masak, mandi pun terhad. Saya harap pihak SADA dan kerajaan dapat tukar saluran (paip) air di sini, sudah tidak sesuai dengan rumah penduduk yang semakin banyak," katanya yang juga ibu tunggal.

## Penang, Perak to restart discussions on raw water transfer scheme

08 NOV 2023  
RABU

GEORGE TOWN: Penang and Perak will restart discussions on a raw water transfer scheme between the two states, says Nik Nazmi Nik Ahmad.

The Natural Resources, Environment and Climate Change Minister said that the Sungai Perak Raw Water Transfer Scheme discussions will start on Thursday (Nov 9) with both state government and water authority representatives sitting down to meet.

"The water issues for Penang are critical and this discussion by both state governments is something positive. I believe the project can be a new water source for Penang," he said.

Nik Nazmi added that there is a positive indication to continue the discussions on the project, saying that his ministry is ready to facilitate the discussions when needed.

He then said that he hopes that there will be a positive outcome between the state governments from the discussion.

In 2009, Penang initiated a study to explore alternative sources of raw water, with Sungai Perak being identified as one such potential resource.

The scheme was introduced in 2011, and throughout the years, Penang engaged in multiple discussions with Perak regarding the project, yet no consensus was reached.

This project was proposed by the Penang Water Supply Corporation (PBAPP) to utilise Penang's second water source in Sungai Perak to meet future water supply needs for Penang and northern Perak.

Penang, through PBAPP, has been trying to source water from Sungai Perak as an alternative raw water resource for the state since 2011.

The project would involve the construction of a water tunnel to channel raw water from Sungai Perak upstream to Sungai Ijok, which would flow to Sungai Kerian.

The raw water would then be extracted from Sungai Kerian, where a water treatment plant would be built on the Penang side of the border.

## Pihak sebabkan pencemaran bau di LRA Sungai Linggi berdepan tindakan tegas - Aminuddin

08 NOV 2023  
RABU

**SEREMBAN:** Kerajaan Negeri Sembilan akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang menyebabkan pencemaran bau di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Linggi di Port Dickson, kata Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun.

Beliau berkata tindakan pihak tidak bertanggungjawab melepaskan sisa berjadual telah mengakibatkan sebahagian besar penduduk Port Dickson mengalami gangguan bekalan air kerana LRA tersebut terpaksa dihentikan sementara sejak semalam.

Aminuddin berkata pihaknya menerima aduan bahawa air yang diproses berbau diesel, kemudian Badan Kawal Selia Air (BKSA) dan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dengan bantuan agensi penguat kuasa lain digerakkan bagi mengatasi perkara tersebut.

"Kita sedia maklum pencemaran di LRA Sungai Linggi amat mendukacita, akibat itu sebahagian besar Port Dickson tidak mendapat bekalan air. Perkataan yang sesuai untuk mereka (pihak tidak bertanggungjawab) adalah 'biadap' kerana menyusahkan ramai rakyat.

"Pada pagi ini, LRA tersebut mula beroperasi secara berperingkat namun sedikit masa diperlukan di Chuah dan Lukut, kerana kawasan itu berada di penghujung, dan memberi kesan bekalan air ke kawasan itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco di sini hari ini.

BERSAMBUNG



## Pihak sebabkan pencemaran bau di LRA Sungai Linggi berdepan tindakan tegas - Aminuddin

08 NOV 2023  
RABU

Aminuddin berkata BKSA, SAINS serta Pejabat Daerah dan Tanah Seremban sedang giat meninjau sepanjang sungai tersebut selain menyiasat kilang dan kediaman berhampiran bagi mengesan punca berlakunya pencemaran itu.

"Pagi tadi agensi terlibat telah menjalankan siasatan namun masih tidak dapat menjumpai punca tersebut, saya arahkan supaya pergi ke kawasan kilang dan kediaman berhampiran yang difikirkan boleh mendatangkan masalah," katanya.

Semalam dilaporkan bahawa operasi LRA Sungai Linggi terpaksa dihentikan buat sementara waktu selepas terdapat aduan air di muka sauk LRA tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan negeri S. Veerapan berkata Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah memasang oil boom di muka sauk loji sebagai langkah pencegahan minyak diesel memasuki LRA tersebut.

-- BERNAMA

## Pulau Pinang, Perak teruskan perbincangan isu bekalan air

08 NOV 2023  
RABU

**GEORGE TOWN:** Kerajaan negeri Pulau Pinang dan Perak meneruskan perbincangan berkaitan Projek Skim Pemindahan Air dari Sungai Perak (SPRWTS) esok, berlandaskan bekalan air terawat.

Ketua Menteri Chow Kon Yeow berkata perbincangan itu melibatkan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Pulau Pinang dan Perak selepas kedua-dua negeri berjaya memasuki fasa perbincangan yang positif.

"Saya mengesahkan ada perkembangan positif, ia telah berlanjutan selama beberapa tahun dan saya sendiri pernah berjumpa dua Menteri Besar Perak dan dua menteri berkaitan (air), akhirnya kami akan teruskan perbincangan sebelum ini.

"Ia satu perkembangan baharu iaitu kita akan bincang mengenai bekalan air terawat dan bukan berkaitan air mentah, ia berbeza dengan perbincangan sebelum ini, kita mulakan dengan perbincangan untuk bekalan air air terawat," katanya selepas mengadakan mesyuarat bersama Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) Nik Nazmi Nik Ahmad berhubung pelbagai isu berkaitan bekalan air dan alam sekitar di Pulau Pinang hari ini.

Sebelum ini, media melaporkan Perak tetap dengan pendirian tidak membekalkan air ke Pulau Pinang meskipun pembentukan kerajaan negeri sekarang adalah campuran antara Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH).

BERSAMBUNG

## Pulau Pinang, Perak teruskan perbincangan isu bekalan air

08 NOV 2023  
RABU

Dalam pada itu, Nik Nazmi berkata NRECC menyambut baik perkembangan positif berkaitan isu bekalan air antara Pulau Pinang dan Perak serta ia akan menjadi sumber air baharu bagi negeri ini.

"Pihak kami (NRECC) bersedia menjadi pemudah cara isu tersebut. Sekarang isu berkaitan bekalan air antara kedua negeri ini di peringkat perbincangan kerja antara kedua-dua pihak," katanya.

Sementara itu, Nik Nazmi berkata kenyataan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang Empangan Mengkuang antara tujuh empangan berisiko tinggi adalah berkaitan keterjaminan bekalan air dan bukan struktur empangan itu.

"Saya ingin maklumkan istilah tentang berisiko tinggi yang dikeluarkan oleh SPAN itu adalah berkaitan keterjaminan bekalan air dan bukannya (masalah) struktur empangan itu, ia dalam keadaan baik," katanya.

Terdahulu, Nik Nazmi mengadakan lawatan kerja di Empangan Mengkuang bagi melihat sendiri projek untuk diperbesarkannya selain turut membuat lawatan di Pantai Kerachut dan Taman Siakap.

Sebelum ini, Pengerusi Suruhanjaya SPAN Charles Anthony Santiago dilaporkan berkata Laporan Pemantauan Paras Empangan Bekalan Air 2022 yang menyenaraikan tujuh empangan berisiko tinggi mendatangkan masalah sumber air kepada Loji Rawatan Air (LRA) dan kawasan sekitar, jika berlaku kegagalan fungsi berikutan faktor cuaca.

Ia melibatkan dua empangan di Kedah iaitu Pedu dan Muda; tiga di Melaka melibatkan Durian Tunggal, Asahan dan Jus; manakala masing-masing satu di Pulau Pinang dan Johor iaitu di Mengkuang serta Linggiu.